



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

PANDUAN PENDAFTARAN CALON *MALYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)*

SESI 1 TAHUN 2019

UNTUK
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI/
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH/
SEKOLAH/INSTITUSI

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
BANDAR BARU SELAYANG

TARIKH KEMASKINI: 8 NOVEMBER 2018

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	HALAMAN
1.	Tarikh Penting Pendaftaran Calon MUET Sesi 1 Tahun 2019	3
2.	Syarat Kelayakan untuk Menduduki Ujian MUET	4
3.	Tempoh Sah Laku Sijil MUET	4
4.	Kertas yang Ditawarkan	4
5.	Yuran Ujian MUET	5
6.	Cara Pendaftaran untuk Menduduki Ujian MUET	5
7.	Calon Berkeperluan Khas (CBK)	6
8.	Tarikh Pendaftaran, Tarikh Ujian, dan Tarikh Tutup Perpindahan Pusat Ujian MUET	7
9.	Pusat Ujian MUET	7
10.	Angka Giliran Calon	7
11.	Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)	7
12.	Slip Daftar MUET (MUET/D) dan Pembetulan Maklumat	8
13.	Senarai Pengawasan Pusat Ujian MUET	8
14.	Perpindahan Pusat Ujian MUET	8
15.	Permohonan Menumpang Pusat Ujian MUET	9
16.	Penarikan Diri dan Penangguhan Menduduki Ujian MUET	9
17.	Data Maklumat Pendaftaran Calon	9
18.	Calon Lewat	9
19.	Keputusan Ujian MUET	9
20.	Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Ujian MUET	9

1 TARIKH PENTING PENDAFTARAN CALON MUET SESI 1 TAHUN 2019

Bil.	Tarikh Akhir		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon Jenis 1, 2, 4, 5, 6, dan 7)	Persendirian Individu (Calon Jenis 3)	
1.	7 – 13 November 2018* (Rabu – Selasa)	-	Taklimat oleh Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (SPP JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) ke sekolah/institusi tentang pendaftaran calon sekolah/institusi secara dalam talian melalui portal MPM http://www.mpm.edu.my atau http://online.mpm.edu.my .
2.	14 November 2018 (Rabu)	14 November 2018 (Rabu)	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu bagi MUET Sesi 1 Tahun 2019 secara dalam talian melalui portal MPM http://www.mpm.edu.my atau http://online.mpm.edu.my DIBUKA .
3.	9 Januari 2018 (Rabu)	9 Januari 2018 (Rabu)	Pendaftaran calon sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu bagi MUET Sesi 1 Tahun 2019 secara dalam talian DITUTUP .
4.	10 Januari 2019 (Khamis)	10 Januari 2019 (Khamis)	Pengesahan data pendaftaran calon dan penghantaran Senarai Pusat Ujian MUET [MUET/C3 (Edisi JPN)] oleh SPP JPN dengan memastikan perkara yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> (a) Tiada pusat dan calon yang tercicir (b) Mengenal pasti sekolah/institusi yang belum menjelaskan yuran pendaftaran untuk dimaklumkan kepada SUB(PSM) MPM (c) Mengenal pasti pusat yang ingin melanjutkan tempoh pendaftaran dan memaklumpkannya kepada SUB(PSM) MPM (d) Maklumat Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi Penglihatan (Buta) telah dihantar kepada SUB(PSM) MPM (jika ada). (e) Maklumat CBK dari segi Penglihatan (Rabun), Anggota (Spastik), Pertuturan (Sengau/Gagap), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) telah dihantar kepada SUB(PSM) MPM (jika ada).
5.	17 Jan 2019 (Khamis)	-	Penghantaran borang Maklumat CBK dari segi Penglihatan (Buta) (MUET/C5) dan borang Maklumat CBK dari Segi Penglihatan (Rabun), Anggota (Spastik), Pertuturan (Sengau/Gagap), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [MUET/C6(Pindaan 2015)] oleh sekolah/institusi ke SPP JPN.
6.	14 Jan 2019 (Isnin)	14 Jan 2019 (Isnin)	Pengesahan MUET/C3 (Edisi MPM) oleh SPP JPN dan penghantarannya kepada SUB(PSM) MPM
7.	15 Jan 2019 (Selasa)	15 Jan 2019 (Selasa)	Pengesahan MUET/JPP (Edisi MPM) oleh SPP JPN dan penghantarannya kepada SUB(PSM) MPM
8.	24 Jan 2019 (Jumaat)	24 Jan 2019 (Jumaat)	Penghantaran borang Maklumat CBK dari segi Penglihatan (Buta) (MUET/C5) dan borang Maklumat CBK dari segi Penglihatan (Rabun), Anggota (Spastik), Pertuturan (Sengau), dan Pendengaran (Kurang Dengar/Pekak) [MUET/C6(Pindaan 2015)] oleh SPP JPN kepada SUB(PSM) MPM.

Bil.	Tarikh Akhir		Perkara
	Sekolah/Institusi (Calon Jenis 1, 2, 4, 5, 6, dan 7)	Persendirian Individu (Calon Jenis 3)	
9.	4 Feb 2019 (Isnin)	4 Feb 2019 (Isnin)	MUET/D calon dimuat naik ke portal MPM http://www.mpm.edu.my untuk disemak dan dicetak oleh calon. Calon dikehendaki membawa MUET/D ke pusat ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian.
10.	15 Feb 2019 (Jumaat)	15 Feb 2019 (Jumaat)	Penghantaran salinan MUET/D yang telah dibuat catatan pembetulan oleh Pengetua/calon kepada SUB(PSM) MPM/SPP JPN (calon menggunakan MUET/D yang asal – catatan pembetulan akan dibuat pada Sijil MUET kelak).
11.	22 Jan 2019 (Selasa)	22 Jan 2019 (Selasa)	Permohonan perpindahan pusat ujian MUET DITUTUP .
12.	28 Jan 2019 (Isnin)	28 Jan 2019 (Isnin)	SPP JPN menghantar borang Perpindahan Pusat Ujian MUET (MUET/C2) kepada SUB(PSM) MPM dengan memastikan perkara yang berikut: (a) Semua borang MUET/C2 telah disemak (b) Semua bayaran perpindahan pusat ujian telah diterima
13.	5, 6, 7, 11, 12, dan 13 Mac 2019 (Selasa – Rabu)	5, 6, 7, 11, 12, dan 13 Mac 2019 (Selasa – Rabu)	Ujian <i>Speaking</i> MUET Sesi 1 Tahun 2019
14.	13 Mac 2019 (Rabu)	13 Mac 2019 (Rabu)	Penghantaran Senarai Pegawai Pengawasan (MUET/C8) kepada SUB(PSM) MPM
15.	16 Mac 2019 (Sabtu)	16 Mac 2019 (Sabtu)	Ujian Bertulis MUET Sesi 1 Tahun 2019
16.	15 Mei 2019** (Rabu)	15 Mei 2019** (Rabu)	Pengumuman keputusan MUET Sesi 1 Tahun 2019.

* Tempoh adalah tertakluk kepada keputusan SPP JPN.

**Tertakluk kepada pindaan dan keputusan Ketua Eksekutif MPM.

2 SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN MUET

Tiada sebarang syarat yang dikenakan untuk menduduki ujian MUET.

3 TEMPOH SAH LAKU SIJIL MUET

Bagi keputusan ujian MUET yang dikeluarkan sebelum tahun 2009, tempoh sah lakunya adalah sehingga **18 Julai 2013**, manakala bagi keputusan ujian MUET yang dikeluarkan mulai tahun 2009, tempoh sah laku sijilnya ialah **lima tahun**, iaitu mulai dari tarikh keputusan ujian MUET dikeluarkan.

4 KERTAS YANG DITAWARKAN

Kertas yang ditawarkan dalam ujian MUET meliputi empat komponen seperti yang berikut:

Kod Kertas	Nama Kertas
800/1	<i>Listening</i> (30 minit)
800/2	<i>Speaking</i> (30 minit)
800/3	<i>Reading</i> (90 minit)
800/4	<i>Writing</i> (90 minit)

Nota.: Untuk maklumat lanjut sila rujuk Sukatan Pelajaran MUET (*Regulations, Test Specifications, Test Format, and Sample Questions*) yang dapat diperoleh melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

5 YURAN UJIAN MUET

- (a) Bayaran untuk menduduki ujian MUET adalah seperti yang berikut:

Yuran pendaftaran : RM 40.00

Yuran mata pelajaran : RM 60.00

Jumlah RM100.00

Bayaran perlu dibuat dengan cara membeli nombor PIN MEC daripada Bank Simpanan Nasional (BSN) atau perbankan internet. Maklumat lanjut sila layari <http://online.mpm.edu.my> .

Nota: BSN akan mengenakan caj sebanyak RM1.00 bagi setiap pembelian nombor PIN MEC.

- (b) Pembelian nombor PIN MEC oleh pihak sekolah/institusi di BSN boleh dibuat di kaunter BSN secara tunai atau menggunakan cek. Ianya juga boleh dibeli melalui kiosk BSN atau secara perbankan internet.
- (c) Pihak sekolah/Institusi dinasihati supaya berunding dengan pihak cawangan BSN terlebih dahulu jika hendak membuat pembelian nombor PIN MEC secara pukal menggunakan cek. Pembelian menggunakan cek adalah tertakluk kepada kelulusan cawangan BSN tersebut.
- (d) Bayaran yang telah dibuat akan terpapar pada **Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP)** untuk rujukan calon selepas selesai pendaftaran secara dalam talian.
- (e) Bayaran pembelian PIN MEC yang telah dibuat **tidak akan dikembalikan** sekiranya calon gagal mendaftar pada tarikh yang telah ditetapkan. PIN MEC yang telah dibeli itu juga **tidak boleh** digunakan untuk mendaftar ujian MUET sesi yang berikutnya.

6 CARA PENDAFTARAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN MUET

6.1 Calon Sekolah/Institusi

- (a) Pendaftaran calon sekolah/institusi dilakukan secara dalam talian melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>.
- (b) SPP JPN hendaklah terlebih dahulu mengemaskinikan maklumat sekolah/institusi yang akan menjadi pusat ujian MUET sebelum pendaftaran dibuka.
- (c) Pengetua sekolah/institusi hendaklah memaklumkan nama Setiausaha Peperiksaan (SUP) sekolah/institusinya kepada SPP JPN dan PPD.
- (d) Taklimat tentang kaedah pendaftaran secara dalam talian di peringkat daerah kepada semua SUP sekolah/institusi hendaklah diberikan oleh pegawai PPD.
- (e) Pihak sekolah/institusi juga boleh mendapatkan maklumat tentang pendaftaran calon ujian MUET untuk sekolah/institusi melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
- (f) Pihak sekolah/institusi perlu mendapatkan Nama Pengguna dan Kata Laluan daripada SPP JPN untuk masuk ke dalam sistem pendaftaran dalam talian ini. SUP sekolah/institusi dinasihatkan agar memuat turun/mencetak **Manual Sekolah** dalam <http://online.mpm.edu.my> yang terpapar pada ikon "sekolah" untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran dalam talian tersebut.
- (g) Pengetua sekolah/institusi hendaklah mengarahkan SUP untuk mengurus pendaftaran sekolah/institusi dengan mengambil tindakan yang berikut:
- Mengemaskinikan maklumat sekolah yang terdapat dalam sistem pendaftaran dalam talian
 - Mengisi data maklumat pendaftaran calon bagi sekolah/institusi yang ingin menduduki ujian MUET
 - Mengenalpasti Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan, dan mendaftarkannya bersama-sama dengan calon lain tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah CBK dan kemudahan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 7**.
 - Memastikan nombor PIN MEC disediakan dengan secukupnya oleh calon sekolah/institusi yang ingin menduduki MUET

- (v) Menyemak maklumat awal pendaftaran calon melalui Penyata Pendaftaran MUET (MUET/PP) seperti ejaan nama, nombor Kad Pengenalan, dan maklumat lain yang tercatat pada MUET/PP adalah betul, dan mengemaskinikannya jika terdapat pindaan oleh calon sebelum menghantar data tersebut ke SPP JPN. MUET/PP ini boleh digunakan sebagai bukti pendaftaran telah dibuat bagi menuntut Slip Daftar MUET (MUET/D) calon (jika maklumat calon tiada dalam semakan MUET/D). **Tiada MUET/PP bermaksud pendaftaran calon tersebut tidak berjaya/tidak lengkap.**
- (vi) Memastikan data maklumat pendaftaran calon adalah betul sebelum membuat pengesahan secara dalam talian
- (vii) Menyemak MUET/D bagi calon sekolah/institusi dan **menyediakan buku log** bagi merekodkan penyemakan MUET/D oleh calon
- (viii) Memaklumkan kepada SPP JPN atau MPM dengan kadar **SEGERA**, jika terdapat calon yang telah didaftarkan tiada dalam semakan MUET/D (maklumat calon sekolah/institusinya tercicir)
- (ix) Mematuhi tarikh akhir pengesahan data maklumat pendaftaran/bahan/dokumen pendaftaran seperti yang telah ditetapkan oleh SPP JPN

6.2 Calon Persendirian Individu

- (a) Pendaftaran Calon Persendirian Individu juga dibuat secara dalam talian melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>.
- (b) Calon Persendirian Individu dikehendaki mendapatkan maklumat tentang pendaftaran ujian MUET melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> dan merujuk kepada **Manual Calon Persendirian Individu** yang terpapar pada ikon Calon Persendirian Individu dalam <http://online.mpm.edu.my> dan juga **Arahan dan Panduan Pendaftaran Calon 2019** untuk rujukan sebelum memulakan aplikasi sistem pendaftaran dalam talian tersebut.
- (c) Bagi calon yang baru pertama kali mendaftar ujian MUET, calon perlu mendaftar sebagai Pengguna MESP terlebih dahulu. Sila klik ikon "Daftar Pengguna" pada portal MPM dan isikan maklumat ringkas yang diperlukan berserta Kata Laluan. **Calon yang berjaya mendaftar Pengguna MESP tidak bermakna telah berjaya mendaftar ujian MUET.** Calon perlu log masuk sistem pendaftaran kembali menggunakan Kata Laluan yang telah ditetapkan tersebut dan meneruskan pendaftaran.
- (d) Bagi calon yang pernah mendaftar MUET sebelum ini, sila log masuk menggunakan ID Pengguna dan Kata Laluan yang telah ditetapkan semasa pendaftaran yang lalu. Sekiranya calon lupa Kata Laluan tersebut, sila klik pada butang "Lupa Kata Laluan" atau boleh menghubungi MPM.
- (e) Calon boleh memilih pusat ujian yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran secara dalam talian tetapi **ketetapan pusat ujian adalah tertakluk kepada SPP JPN.** SPP JPN berhak untuk memindahkan Calon Persendirian Individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (f) Bagi CBK dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan juga perlu mendaftar secara dalam talian, tetapi **pemberitahuan** bahawa calon tersebut adalah CBK dan keistimewaan yang dipohon adalah seperti tindakan pada **para 7.**

7 CALON BERKEPERLUAN KHAS (CBK)

- (a) Calon Berkeperluan Khas (CBK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan kepada SPP JPN **selewat-lewatnya pada 17 Januari 2019.**
- (b) Maklumat tentang ketidakupayaan dan kemudahan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam borang **MUET/C5** atau **MUET/C6 (Pindaan 2015)** (mana-mana yang berkenaan) mengikut jenis ketidakupayaan yang dapat diperolehi dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau <http://online.mpm.edu.my>. Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua (jika calon sekolah/institusi). **Kemudahan yang boleh diberikan kepada CBK hanya akan dipertimbangkan jika borang MUET/C5 atau MUET/C6 (Pindaan 2015) (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM.**

- (c) SPP JPN hendaklah mengumpulkan borang MUET/C5 atau MUET/C6 (Pindaan 2015) yang diterima dan menghantar borang tersebut kepada MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**).

8 TARIKH PENDAFTARAN, TARIKH UJIAN, DAN TARIKH TUTUP PERPINDAHAN PUSAT UJIAN MUET

PERKARA	MUET SESI 1 TAHUN 2019
Tarikh Pendaftaran Dibuka	14 November 2018
Tarikh Pendaftaran Ditutup	9 Januari 2019
Tarikh Tutup Perpindahan Pusat Ujian	22 Januari 2019
Tarikh Ujian <i>Speaking</i>	5, 6, 7, 11, 12, dan 13 Mac 2019
Tarikh Ujian Bertulis	16 Mac 2019

9 PUSAT UJIAN MUET

9.1 Nombor Pusat Ujian MUET

Nombor pusat ujian MUET hendaklah ditentukan oleh SPP JPN sebelum pendaftaran dibuka.

9.2 Bilangan Calon

Bilangan calon di sesuatu pusat ujian MUET **tidak** boleh lebih daripada **216 orang**.

9.3 Penetapan Pusat Ujian MUET

- (a) Penempatan Calon Persendirian Individu di sesebuah pusat ujian MUET adalah tertakluk kepada kelulusan SPP JPN. SPP JPN berhak untuk memindahkan Calon Persendirian Individu ke pusat lain selain daripada yang telah dipilih.
- (b) SPP JPN juga boleh menumpangkan calon sekolah/institusi di pusat lain jika didapati bilangan calon di sekolah/institusi tersebut tidak ekonomik dari segi pengendalian ujian. Namun demikian, pertimbangan ini perlu mengambil kira beberapa faktor seperti kedudukan geografi/lokasi dan latar belakang calon di sekolah/institusi tersebut, serta perlu dibuat perbincangan/perundingan dengan Pengetua sekolah/institusi yang berkenaan sebelum tindakan ini diambil.

9.4 Senarai Pusat Ujian MUET (MUET/C3)

- (a) Senarai Pusat Ujian MUET (MUET/C3) merupakan dokumen penting yang mengandungi kod pusat, nama sekolah/institusi, jenis calon, dan bilangan calon yang didaftarkan di sesebuah negeri.
- (b) SPP JPN perlu menyemak dan meneliti MUET/C3 sebelum membuat pengesahan bagi mengelakkan tiada pusat dan calon yang tercicir. Keciciran pusat dan calon akan menimbulkan kesulitan dari segi pengendalian ujian terutamanya dari aspek bekalan kertas soalan.

10 ANGKA GILIRAN CALON

Angka giliran calon bagi semua calon akan ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon akan diberitahu melalui Slip Daftar MUET (MUET/D).

11 PENYATA PENDAFTARAN MUET (MUET/PP)

- (a) Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui Penyata Pendaftaran Calon (MUET/PP). Pihak sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu hendaklah **mencetak/menyimpan dalam format pdf MUET/PP** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. **Pendaftaran MUET masih belum lengkap/tidak berjaya sekiranya MUET/PP gagal dicetak/disimpan.**
- (b) SUP sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu hendaklah menyemak MUET/PP bagi memastikan semua maklumat yang tercetak adalah betul.
- (c) Bagi calon sekolah/institusi, jika terdapat sebarang pindaan pada nombor Kad Pengenalan atau ejaan nama, sila kemukakan pindaan tersebut kepada SUP sekolah/institusi untuk dikemaskinikan secara dalam talian.

- (d) Calon Persendirian Individu boleh membetulkan maklumat yang silap dengan mengemaskinikan butiran pendaftaran diri secara dalam talian tetapi pengemaskinian tersebut hanya dihadkan sebanyak **dua kali** sahaja sepanjang tempoh pendaftaran dibuka.
- (e) Pengemaskinian maklumat pendaftaran secara dalam talian hanya boleh dilakukan sepanjang tempoh pendaftaran dibuka sahaja. Selepas tarikh tutup pendaftaran, SUP sekolah/institusi dan Calon Persendirian Individu perlu memohon pindaan maklumat secara manual dengan mengemukakan **Borang Pindaan Maklumat Calon (MUET/C9)** ke MPM dengan menyertakan bersama salinan kad pengenalan dan MUET/PP yang silap tersebut **tanpa dikenakan bayaran**. Pindaan maklumat ini akan dilakukan pada MUET/D kelak.

12 SLIP DAFTAR MUET (MUET/D) DAN PEMBETULAN MAKLUMAT

- (a) Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki ujian MUET akan diberitahu kepada calon dalam Slip Daftar MUET (MUET/D) melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> **mulai 4 Februari 2019**. Jika maklumat calon **tiada** dalam senarai MUET/D, sila hubungi terus MPM dengan kadar **SEGERA**. Bagi calon sekolah/institusi, sila hubungi MPM melalui Pengetua sekolah/institusi masing-masing.
- (b) Calon sekolah/institusi perlu menyemak MUET/D masing-masing. SUP sekolah/institusi hendaklah menyediakan buku log bagi memastikan semua calon telah menyemak MUET/D masing-masing dengan merekodkan dalam buku log tersebut.
- (c) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada MUET/D seperti nombor Kad Pengenalan, ejaan nama, angka giliran, pusat menduduki ujian, tarikh, dan waktu ujian. Jika terdapat kesilapan, calon dikehendaki mengisi **Borang Pindaan Maklumat Calon (MUET/C9)** dan menghantarnya kepada MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) melalui Pengetua sekolah/institusi masing-masing dengan **kadar segera**. Pembetulan maklumat juga hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas di pusat ujian untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan. Pembetulan hanya akan dibuat pada Sijil MUET yang akan dikeluarkan kelak. **MUET/D yang sedia ada ini adalah sah digunakan untuk menduduki ujian MUET**.
- (d) Calon hendaklah menggunakan nombor Kad Pengenalan yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan Pengawas ujian kelak dan akan menyusahkan calon sendiri.
- (e) Permohonan pindaan maklumat yang dibuat **selepas dua minggu MUET/D dimuatnaik** akan dikenakan caj **RM25.00**. Pindaan maklumat ini akan dilakukan pada Sijil MUET kelak. Sekiranya permohonan pindaan ini dibuat **selepas keputusan MUET diumumkan/Sijil MUET dicetak**, calon perlu mengemukakan **Borang Permohonan Salinan Sijil MUET/STPM [MPM/S2 (Pindaan 2015)]** berserta bayaran **RM40.00** ke MPM serta melengkapkan borang MUET/C9 (tanpa bayaran).
- (f) Calon boleh menyemak status MUET/D melalui Sistem Mesej Singkat (SMS) dengan menaip **MUET <jarak>INFO<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888**.

13 SENARAI PENGAWASAN PUSAT UJIAN MUET

- (a) SPP JPN hendaklah melantik Penyelia Kawasan, Ketua Pengawas, dan Pengawas selepas MUET/C3 edisi MPM disahkan. Format borang Senarai Pegawai-Pegawai Pengawasan (MUET/C8) dapat diperoleh dan dicetak daripada portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.
- (b) MUET/C8 yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar ke MPM **selewat-lewatnya seminggu sebelum Ujian Bertulis MUET bermula**. Maklumat boleh dihantar secara emel ke MPM.

14 PERPINDAHAN PUSAT UJIAN MUET

Permohonan untuk berpindah dari satu pusat ujian ke satu pusat ujian yang lain hendaklah menggunakan Borang Perpindahan Pusat Ujian MUET (MUET/C2). Perpindahan pusat ujian MUET hanya akan dibenarkan jika alasan-alasan yang dikemukakan adalah munasabah. Bayaran sebanyak **RM25.00** akan dikenakan dan perlu dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama penerima **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**. Permohonan hendaklah dihantar ke Majlis Peperiksaan Malaysia (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dan salinan kepada Ketua Sektor/Unit Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri. **sebelum atau pada 22 Januari 2019**. Bayaran permohonan bagi calon yang **tidak** diluluskan perpindahan pusat ujiannya akan dikembalikan.

15 PERMOHONAN MENUMPANG PUSAT UJIAN MUET

- (a) Calon yang ditolak permohonannya untuk berpindah pusat ujian MUET kerana permohonannya lewat mungkin dibenarkan menumpang pusat ujian.
- (b) Calon yang menumpang untuk mengambil ujian di sesuatu pusat ujian atas sebab-sebab peribadi mestilah mendapat kelulusan MPM terlebih dahulu. Calon hendaklah membuat permohonan kepada Ketua Eksekutif, MPM melalui borang MUET/C2 dan hendaklah menyertakan bayaran sebanyak **RM25.00** yang dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atas nama penerima **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia**. **Permohonan calon hanya akan dipertimbangkan jika kertas soalan di pusat berkenaan mencukupi.**

16 PENARIKAN DIRI DAN PENANGGUHAN MENDUDUKI UJIAN MUET

- (a) Calon yang menarik diri daripada menduduki ujian MUET dikehendaki mengisi borang **Calon Menarik Diri (MUET/C4)** yang dapat diperoleh dan dicetak dari portal MPM <http://www.mpm.edu.my>. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke MPM bersama dengan surat bukti **sebelum** calon menduduki kertas ujian MUET yang pertama.
- (b) Calon yang menarik diri daripada menduduki ujian MUET **tidak akan dikembalikan** yuran ujian **kecuali** calon yang **sakit berpanjangan** (surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan kerajaan hendaklah dikemukakan) atau calon yang **meninggal dunia** (salinan surat Perakuan Kematian hendaklah dikemukakan oleh warisnya) atau calon yang diluluskan permohonannya untuk memasuki **Universiti Awam** (salinan surat tawaran hendaklah dikemukakan oleh calon).
- (c) Pada dasarnya, calon yang memohon untuk menangguh daripada menduduki ujian MUET adalah **tidak** akan dilayan, namun SPP JPN atau pihak sekolah/institusi boleh menasihati calon untuk mengemukakan rayuan kepada MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) untuk tindakan selanjutnya.

17 DATA MAKLUMAT PENDAFTARAN CALON

- (a) SPP JPN hendaklah mengenal pasti dan memantau sekolah/institusi atau daerah/bahagian yang mempunyai calon ujian MUET bagi memastikan calon sekolah/institusi atau daerah/bahagian tersebut mendaftar untuk mengambil ujian MUET **sebelum tarikh tutup pendaftaran**.
- (b) SPP JPN juga digalakkan untuk memberitahu Pengetua sekolah/institusi supaya **mengisi data maklumat pendaftaran calon dan menghantar dokumen yang berkaitan lebih awal** bagi mengelakkan sebarang kelewatan yang boleh menimbulkan masalah.

18 CALON LEWAT

Calon yang ingin mendaftar untuk menduduki ujian MUET selepas tarikh tutup pendaftaran hendaklah diarahkan menghantar permohonan terus kepada **Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia** untuk dipertimbangkan.

19 KEPUTUSAN UJIAN MUET

Keputusan ujian MUET bagi calon sekolah/institusi akan dihantar kepada Pengetua sekolah/institusi berkenaan melalui SPP JPN, manakala bagi Calon Persendirian Individu, keputusan ujian MUET akan dihantar kepada calon melalui pos.

Calon juga boleh menyemak keputusan ujian MUET melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> atau melalui SMS dengan menaip **MUET<jarak>RESULT<jarak>No. Kad Pengenalan dan hantar ke 15888**.

20 RAYUAN PENYEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN UJIAN MUET

Calon yang kurang berpuas hati dengan keputusan ujian MUET boleh membuat rayuan penyemakan semula keputusan ujian. Caj bagi rayuan penyemakan semula ini ialah **RM70.00** permohonan adalah secara dalam talian sahaja. Tarikh tutup rayuan penyemakan semula ini ialah **seminggu** selepas tarikh keputusan ujian MUET diumumkan. Sila rujuk portal MPM www.mpm.edu.my untuk maklumat yang lebih lanjut.